

Kenyataan Media Berkaitan Pemberian Khas Kepada Negeri Sabah Dinaikkan

By : Media Statement

Date : 14/04/2022

KENYATAAN MEDIA BERSAMA YAB PERDANA MENTERI DAN YAB KETUA MENTERI SABAH

PEMBERIAN KHAS KEPADA NEGERI SABAH DINAIKKAN

Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah telah berjaya mencapai kata sepakat mengenai kajian semula pemberian khas kepada Negeri Sabah di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan pada hari ini.

Ini merupakan susulan kepada beberapa perbincangan dan rundingan yang diadakan oleh Kementerian Kewangan dan Kerajaan Negeri Sabah, dengan kebanyakan terma dipersetujui pada 14 Februari 2022.

Persetujuan ini juga merupakan satu petanda penting memandangkan kali terakhir kajian semula berkenaan di buat adalah pada tahun 1969. Persetujuan kajian semula baharu ini merangkumi perkara-perkara berikut:

(a) **Amaun pemberian khas baharu kepada negeri Sabah dinaikkan sebanyak 4.7 kali ganda** daripada RM26.7 juta kepada RM125.6 juta bagi tahun 2022, dan amaun akan terus meningkat setiap tahun bagi tempoh 2023-2026 mengikut kadar kenaikan yang dipersetujui bersama; dan

(b) Pada masa yang sama, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah akan terus berunding berhubung dengan **tuntutan 40% daripada hasil Negeri Sabah** dan menjalankan kajian semula pemberian khas di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan **untuk mendapatkan suatu amaun pemberian khas baharu yang dapat mengimbangi keperluan negeri Sabah tanpa menjejaskan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan.** Sekiranya suatu amaun baharu yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak berjaya dicapai sebelum tahun 2026, maka amaun baharu tersebut akan diguna pakai untuk menggantikan bayaran pemberian khas kepada negeri Sabah bermula tahun 2022.

(c) Persetujuan ini adalah tanpa prejudis terhadap kewajipan dan hak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah untuk meneruskan kajian semula pemberian khas di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan dengan mengambil kira kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan serta keperluan Kerajaan Negeri Sabah berhubung kos perkhidmatan Negeri. Kerajaan Negeri Sabah juga berhak untuk bergantung kepada formula asal seperti yang dinyatakan dalam Perkara 112C dan Bahagian IV Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan. Pelaksanaan kajian semula pemberian khas ini termasuk hak kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

Sabah untuk merujuk perkara itu kepada penaksir bebas (jika tiada persetujuan dicapai) seperti yang dinyatakan dalam Perkara 112D(6) Perlembagaan Persekutuan.

(d) Kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah akan membekalkan data dan maklumat mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan serta keperluan Kerajaan Negeri Sabah berhubung kos perkhidmatan Negeri yang akan diambil kira dalam proses kajian semula pemberian khas tersebut.

Persetujuan yang berjaya dimeterai antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah **melambangkan semangat Keluarga Malaysia, komitmen Kerajaan Persekutuan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963 kepada Kerajaan Negeri Sabah** serta keprihatinan Kerajaan Negeri Sabah terhadap peranan dan kemampuan Kerajaan Persekutuan **untuk membawa pembangunan dan kesejahteraan kepada negeri Sabah.**

Penghargaan kami kepada delegasi Kerajaan Persekutuan yang diketuai oleh Menteri Kewangan Malaysia dan delegasi Kerajaan Negeri Sabah yang diterajui oleh Menteri Kewangan II Sabah dalam pencapaian bersejarah ini.

DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB
Perdana Menteri

DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI HAJI NOOR
Ketua Menteri Sabah

14 April 2022

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/04/kenyataan-media-berkaitan-pemberian-khas-kepada-negeri-sabah-dinaikkan/>